

BAB 3

KEUNIKAN DAN

KEISTIMEWAAN TAMADUN

ISLAM

CIRI-CIRI KEUNIKAN DAN KEISTIMEWAAN TAMADUN ISLAM

- Agama melahirkan Tamadun
Mengambil kira konsep tauhid dan kerohanian dalam pembentukan individu, masyarakat dan aktiviti sosial. Islam menjadi tunggak utama dalam kewujudan dan keunikan Tamadun Islam.

CIRI-CIRI KEUNIKAN DAN KEISTIMEWAAN TAMADUN ISLAM

(samb)

- Peradaban

Pembentukan yang bermula dari individu dan keluarga memainkan peranan penting dalam penyusunan sebuah masyarakat dan tamadun yang sistematik.

CIRI-CIRI KEUNIKAN DAN KEISTIMEWAAN TAMADUN ISLAM

(samb)

- Perkembangan

Perkembangan Tamadun Islam sejak dari mula dan tidak tertumpu kepada satu puak atau golongan sahaja. Sehingga ke hari ini, boleh dikatakan Islam ada di mana-mana.

CIRI-CIRI KEUNIKAN DAN KEISTIMEWAAN TAMADUN ISLAM

(samb)

- Konsep al –Ummah

Kesejagatan Tamadun Islam yang tidak mengambil kira soal budaya, warna kulit, bahasa. Nilai sama rata dan Taqwa sebagai ukuran untuk menjana Tamadun yang gemilang.

CIRI-CIRI KEUNIKAN DAN KEISTIMEWAAN TAMADUN ISLAM

(samb)

- Asas Pengetahuan

Kepentingan ilmu dan pembudayaannya jelas menjadikan ilmu itu satu agenda penting di dalam membentuk tamadun yang berjaya melahirkan para ilmuan yang memberikan sumbangan dalam pelbagai bidang ilmu.